

ISNIN • 16.07.2018

FORUM

UEC kikis identiti kebangsaan

SAUDARA PENGARANG,

MAJLIS Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) dan Teras Pengupayaan Melayu (Teras) berpandangan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang dilaksanakan oleh sekolah persendirian Cina di negara ini akan menyebabkan negara hilang identiti kebangsaan.

UEC adalah sijil yang mengetepikan soal bahasa kebangsaan sebagai bahasa pembentuk ciri negara ini.

Kurikulum bahasa pengantar yang digubal secara berlawanan dengan arus perdana bahasa kebangsaan akan menghakis nilai-nilai warga Malaysia yang selama ini telah diusahakan bersama pelbagai pihak.

Akta Pendidikan 1969 yang dirumuskan dan diluluskan di Parlimen telah menetapkan Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu) sebagai medium pengantar dalam semua institusi pendidikan yang berdaftar.

Sejak itu, semua kaum menerima hakikat bahawa bahasa Melayu adalah bahasa teras membentuk sahsiah dan jati diri generasi pewaris negara ini.

Sejak kemerdekaan lagi ruang pendidikan vernakular dibenarkan malah diberi peruntukan oleh kerajaan.

Bukan sahaja melahirkan pelajar yang sebatian dengan bahasa kebangsaan malah



Pengiktirafan UEC akan membuka pintu kepada pelbagai rombakan terhadap teras pendidikan negara yang akhirnya menjadikan pendidikan di negara ini tanpa sifat mahu pun nilai kebangsaan.

membenarkan bahasa ibunda kaum masing-masing dipelajari adalah suatu kesepakatan yang cukup unik dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia.

Isu pokoknya ialah bukan sekadar sijil UEC yang mahu diiktiraf malah mereka mahu mengubah dasar keseluruhan pendidikan di negara ini dengan mengetepikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar sekali gus jati diri nasional dalam kalangan murid dari usia muda.

Persoalannya, kenapa hal ini muncul dalam usaha kita mahu memupuk generasi Malaysia dengan kebersamaan jati diri nasional melalui bahasa kebangsaan?

Dengan hanya menambah subjek bahasa Melayu dalam pengajaran sedangkan subjek lain diajar dalam bahasa Cina jelas menunjukkan mereka

mahu menunjukkan bahasa kebangsaan tidak penting untuk membentuk masyarakat di negara ini.

Para pemikir dan penggubal sistem pendidikan negara sudah sekian lama meneliti implikasi menjadikan bahasa lain selain daripada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

UEC bukan sahaja harus ditolak malah kerajaan harus menyemak kelulusan sekolah persendirian yang menggunakan bahasa selain bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Pengiktirafan UEC akan membuka pintu kepada pelbagai rombakan terhadap teras pendidikan negara yang akhirnya menjadikan pendidikan di negara ini tanpa sifat mahu pun nilai kebangsaan.

Sekolah persendirian Cina harus menerima dasar-dasar negara dan fahami implikasi kepada matlamat integrasi nasional terhadap generasi muda jika pendidikan gersang daripada

Selari dengan manifesto PRU-14

UEC: PH TETAP IKTIRAF

➤ Kementerian Pendidikan akan tetap iktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) seperti dirancang, selaras manifesto Pakatan Harapan dalam PRU-14.

➤ Menteri, Dr. Maszlee Malik tegaskan, kerajaan tidak akan buat 'pusingan U' atau dilihat 'flip-flop' dalam perkara itu.

➤ Dalam Pakatan Harapan, kita tidak bercanggah kerana kita telah bersetuju dalam manifesto yang ad-

➤ Pelbagai pihak terus bantah, anggap boleh pecahbelahkan generasi muda.

➤ Majlis Perundingan Melayu, Perkasa Gapena sifatkan tindakan tersgadai bahasa Melayu.

KERATAN Utusan Malaysia 13 Julai 2018.

GABUNGAN BANGSAWAAN GURU-GURU SEKOLAH MALAYSIA
馬來西亞華校教師會總會

penguasaan bahasa kebangsaan. Isu UEC bukan sekadar isu bahasa pengantar tetapi melibatkan teras pembentukan sahsiah diri nasional pewaris negara dari usia muda.

MOHD. AZMI ABDUL HAMID
Presiden Mapim dan Teras